

**KESANTUNAN BAHASA DALAM AL-QURAN:
SATU KAJIAN DARI PERSPEKTIF PENDIDIKAN AKHLAK DALAM KELUARGA**

Muhamad Fairuz Ali
Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah
Tel: +6013-3111002 Email: mfairuz@kuipsas.edu.my

Che Radiah Mezah
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia,
Tel: +6019-6053123 E-mail: cradiah@upm.edu.my

Mohd Sukki Othman
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia,
Tel: +6019-3241364 E-mail: msukki@upm.edu.my

ABSTRAK

Al-Quran adalah panduan kepada semua umat Islam. Pesanan yang disampaikan melalui bahasa menggambarkan ilmu dan hikmah yang amat bernilai untuk umat manusia. Salah satu aspek keagungan wahyu ini adalah melalui penggunaan bahasa yang sesuai dalam memastikan mesej yang disampaikan dapat diterima dengan jelas dan berkesan. Mesej ini pula membawa nilai pendidikan yang wajib diterapkan dalam diri manusia selaras dengan intipati dan ajaran Islam yang meliputi aspek akidah, ibadah dan akhlak. Pendidikan akhlak harus diterapkan oleh ibu bapa kepada anak-anak melalui contoh-contoh ayat al-Quran yang dibawa. Justeru, kajian ini dilakukan untuk mengetahui aspek kesantunan bahasa dalam al-Quran dan hubungannya dengan pendidikan akhlak dalam keluarga. Kajian yang berteraskan kualitatif ini memaparkan beberapa contoh kesantunan dalam menyampaikan pendidikan akhlak. Dapatan seterusnya mengemukakan beberapa nilai pendidikan, kelembutan, hikmah, sindiran dan tatatusila. Hasil kajian ini menyimpulkan bahawa pendekatan kesantunan bahasa dapat dijadikan panduan kepada ibu bapa dalam mendidik anak dengan menggunakan bahasa yang sesuai pada tempat dan situasinya.

Kata kunci: Kesantunan bahasa, pendidikan akhlak, keluarga.